

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001

FATWA HUKUM PENGGUNAAN PLASMA DARAH DALAM MAKANAN

(Dibuat di bawah seksyen 37)

Pada menjalankan kuasa – kuasa yang diberikan kepada Majlis Islam Sarawak oleh seksyen 37 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [*Bab 41*], Majlis Islam Sarawak dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri, telah mengeluarkan fatwa berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Fatwa ini bolehlah dinamakan **Fatwa Hukum Penggunaan Plasma Darah dalam Makanan** dan hendaklah berkuat kuasa pada 18 haribulan Jun 2021.

Hukum Penggunaan Plasma Darah dalam Makanan

2.—(1) Hukum penggunaan plasma darah dalam makanan adalah haram.

(2) Dalam fatwa ini, ‘plasma darah’ ialah komponen cecair kuning pucat di dalam darah yang biasanya mengekalkan sel darah di dalam seluruh darah dalam ampai.

Bertarikh pada 18 haribulan Jun, 2021.

DATU HAJI MISNU BIN HAJI TAHA

*Yang Dipertua**Majlis Islam Sarawak*

MIS/SLT/94/(12)

Swk. L. N. 408

MAJLIS ISLAM SARAWAK ORDINANCE, 2001

FATWA ON THE USAGE OF NEW CRITERIA OF IMKANUR RUKYAH FOR
THE EARLY DETERMINATION OF THE MONTH OF HIJRAH IN MALAYSIA

(Made under section 37)

In exercise of the powers conferred by section 37 of the Majlis Islam Sarawak Ordinance, 2001 [*Cap. 41*], the Majlis Islam Sarawak, upon the concurrence of the Yang di-Pertua Negeri, has made the following Fatwa:

Citation and Commencement

1. This Fatwa may be cited as the **Fatwa on the Usage of New Criteria of Imkanur Rukyah for the Early Determination of the Month of Hijrah in Malaysia** and shall be deemed to have come into force on the 6th day of August, 2021.

Fatwa on the Usage of New Criteria of Imkanur Rukyah for the Early Determination of the Month of Hijrah in Malaysia

2.—(1) The new criteria of Imkanur Rukyah for the early determination of the month of hijrah in Malaysia is as follows: “The new criteria of Imkanur Rukyah for the early determination of the month of hijrah in Malaysia is when the sun sets and the height of the moon is not more than three degree (3°) and the arc distance of the sun (elongation) is not less than six point four degrees (6.4°) and it shall be applied in the year of 2021 (1443H)”.

(2) The Hijriah calendar is used by the Muslims to determine the significant days, *haul* zakat, duration of *iddah*, age of puberty and other Islamic religious practices that needs to refer to the Hijriah year.

Dated this 6th day of August, 2021.

DATU HAJI MISNU BIN HAJI TAHA
Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak

MIS/SLT/94/(17)

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001

FATWA PENGGUNAAN KRITERIA BAHARU IMKANUR RUKYAH BAGI PENENTUAN
AWAL BULAN HIJRIAH DALAM KALENDAR HIJRAH DI MALAYSIA

(Dibuat di bawah seksyen 37)

Pada menjalankan kuasa – kuasa yang diberikan kepada Majlis Islam Sarawak oleh seksyen 37 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [*Bab 41*], Majlis Islam Sarawak dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri, telah mengeluarkan fatwa berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Fatwa ini bolehlah dinamakan **Fatwa Penggunaan Kriteria Baharu Imkanur Rukyah bagi Penentuan Awal Bulan Hijriah Dalam Kalendar Hijrah di Malaysia** dan hendaklah berkuat kuasa pada 6 haribulan Ogos 2021.

Penggunaan Kriteria Baharu Imkanur Rukyah bagi Penentuan Awal Bulan Hijriah Dalam Kalendar Hijrah di Malaysia

2.—(1) Kriteria baharu Imkanur Rukyah bagi penentuan awal bulan Hijriah dalam Kalendar Hijrah di Malaysia yang diterima pakai adalah seperti berikut: “Kriteria baharu Imkanur Rukyah bagi penentuan awal bulan hijriah dalam kalendar hijrah di Malaysia, iaitu ketika matahari terbenam ketinggian bulan tidak kurang dari tiga darjah (3°) dan jarak lengkung bulan Matahari (elongasi) tidak kurang dari enam persepuluh empat darjah (6.4°) dan pelaksanaannya hendaklah bermula pada tahun 2021 (1443H)”

(2) Takwim Hijriah digunakan oleh umat Islam dalam menentukan segala hari kebesaran, *haul* zakat, tempoh *iddah*, umur baligh dan segala ibadah dalam Islam perlu merujuk kepada tahun Hijriah.

Bertarikh pada 6 haribulan Ogos, 2021

DATU HAJI MISNU BIN HAJI TAHA

Yang Dipertua

Majlis Islam Sarawak

MIS/SLT/94/(17)

Swk. L. N. 409

MAJLIS ISLAM SARAWAK ORDINANCE, 2001

FATWA RULING ON THE DETERMINATION OF THE RATE OF
TWO MARHALAH, QARYAH AND BALAD FROM THE CURRENT FIQH PERSPECTIVE

(Made under section 37)

In exercise of the powers conferred by section 37 of the Majlis Islam Sarawak Ordinance, 2001 [*Cap. 41*], the Majlis Islam Sarawak, upon the concurrence of the Yang di-Pertua Negeri, has made the following Fatwa:

Citation and Commencement

1. This Fatwa may be cited as the **Fatwa Ruling on the Determination of the Rate of Two Marhalah, Qaryah and Balad from the Current Fiqh Perspective** and shall be deemed to have come into force on the 6th day of August 2021.

Fatwa Ruling on the Determination of the Rate of Two Marhalah, Qaryah and Balad from the Current Fiqh Perspective

2.—(1) The ruling on the rate of two Marhalah, Qaryah and Balad from the perspective of Fiqh are as follows:

(a) standardized rate for two (2) marhalah is 81 kilometre;

(b) demarcation and determination of Qaryah and Balad is based on the demarcation according to the custom by applying the demarcation through the rivers, roads, buildings, airports, bus terminals and other signs and considering the population density of an area as adopted by the Majlis Islam Sarawak; and

(c) for the purpose of the development of application and the needs for digital technology, the rate of two (2) Marhalah is set to 81 kilometre in accordance with the Syariah views and the current measurement and it is permissible to use the distance of 11 kilometre (including 81 kilometre) from